



Oleh FAIZAL NAZARUDDIN
faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

PERASAAN cemas mencengkam hati penulis apabila nyaris terjatuh ke dalam sebuah lubang yang tidak kelihatan dasarnya. Peristiwa itu terjadi semasa satu eksplorasi menjejaki peninggalan pelombong bijih timah di Gua Kelam 2, Padang Besar, Perlis baru-baru ini.

Pada masa itu, penulis cuba menyeberangi sebuah lubang besar dengan meniti dinding batu gua yang licin sebelum tergelincir.

Mujur penulis sempat mencapai dawai penyidai baju yang merentangi dinding gua berkenaan menyebabkan penulis tergantung sebelum mengatur langkah semula.

Gua Kelam atau 'Gua Gelap' merupakan bekas tapak perlombongan bijih timah di dalam gua antara yang terbesar di dunia.

Penerokaan gua berusia jutaan tahun ini antara lain bertujuan merungkai misteri dua buah piramid yang dibina oleh pekerja lombong suatu masa dahulu.



MEREDAH
anak sungai tidak dapat dielak oleh pengunjung Gua Kelam.

Misteri piramid Gua Kelam

Kehidupan bekas pekerja lombong di dalam Gua Kelam di Perlis tidak ubah seperti kelawar yang menghuni gua yang gelap.

kosmo 13/1/13
MS 50

4 Kebiasaannya pekerja lombong akan berada di dalam gua selama sebulan

sebulan.
Mereka
makan,
minum
dan tidur
di dalam
gua yang
gelap itu

FONG KEOW

NOOR JAMILI

Monumen tersebut adalah penemuan terbaharu di kompleks gua berkenaan. Ia dijumpai oleh Penguasa Perhutanan Perlis, Mohd. Noor Jamili Hayat beberapa tahun lalu berdasarkan cerita daripada bekas pelombong.

"Cuma baru-baru ini saya berjaya menemui piramid tersebut yang terletak di bahagian atas gua selepas beberapa kali melakukan eksplorasi seorang diri," ujar Noor Jamili.

Menurut beliau, piramid itu dibina menggunakan batu-batu dengan diameter kira-kira 5 meter dan 2 meter tinggi.

Bagaimanapun, jelasnya, sebab utama piramid terbabit dibina masih tidak diketahui dan terus menjadi misteri.

"Apa yang menjadi tanda tanya ialah kenapa setiap batu yang disusun itu berkilauan dan dipotong dengan rapi dalam bentuk empat segi. Ia berbeza daripada batu-batu lain yang ada di dalam gua itu," ujar Noor Jamili.

Tambahnya, beliau ada mendengar cerita piramid itu dijadikan tempat menyimpan mesin atau logam galian lain yang di-

Monumen tersebut adalah penemuan terbaharu



SUASANA aktiviti melombong bijih timah di dalam Gua Kelam kira-kira 30 tahun lalu.



PIRAMID misteri dibina daripada batu-batu empat segi yang berkilauan.

temui seperti emas selain menjadi kubur pelombong yang tidak sempat dibawa keluar.

Gelap

Perjalanan untuk sampai ke piramid itu bukan mudah kerana perlu berjalan kaki selama hampir tiga jam termasuk meredah sungai dengan meniti sebatang kayu di permukaan airnya.

Selain itu, peserta eksplorasi terpaksa membongkokkan badan ketika berjalan di laluan yang sempit bagi mengelakkan kepala terhantuk serta merangkak masuk ke dalam lubang gua yang

berlumpur.

Dianggarkan lebih 80 orang pelombong bijih timah telah terkorban ketika melakukan perlombongan bahan mineral berkenaan antara tahun 1930-an sehingga penghujung 1970-an.

Seorang bekas pelombong, Phung Fong Keow, 71, berkata, antara punca kematian pelombong terbabit ialah terjatuh dari tempat tinggi, ditimbus tanah, lemas akibat terperangkap dalam letupan dan macam-macam lagi.

Wanita itu menceritakan, kebiasaannya pekerja lombong akan berada di dalam gua selama sebulan. Mereka makan, minum dan tidur di dalam gua yang gelap itu dan beberapa hari sahaja dibenarkan keluar untuk bersama keluarga.

"Ini kerana sesetengah kawasan perlombongan terletak jauh ke dalam gua yang memerlukan masa perjalanan masuk dan keluar sehingga lima atau enam jam.

"Ini tidak termasuk kami terpaksa menempuh lubang bekas lombong, meniti kayu dan menyeberang sungai. Disebabkan kesukaran itu, banyak pekerja memutuskan untuk tinggal sahaja di dalam gua itu," ujarnya.



FONG KEOW masih menyimpan sisa bijih timah dan dulang yang digunakan untuk melombong.

Jelasnya, pengalaman tinggal di dalam gua ada pahit manisnya seperti mempunyai kawan yang ramai namun perasaan takut dan sedih tidak dapat dihindari kerana mereka berada dalam persekitaran yang gelap dan terdedah kepada kemalangan. Kehidupan manusia pelombong itu juga tidak ubah seperti kelawar

GUA KELAM kini menjadi tarikan pelancongan utama di Padang Besar, Perlis.

GUA KELAM

SELAMAT DATANG KE GUA KELAM
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

Foto
FAIZAL ABU
HASSAN

KOSMO 13/1/13 MS 51

yang menghuni gua yang gelap tanpa cahaya matahari.


"Kami menggunakan generator untuk menyalakan lampu namun bagi kawasan yang lebih jauh ke dalam, kami pakai karbaid," kata Fong Keow yang bekerja di dalam gua itu bersama suaminya.

Wanita pelombong melakukan tugas ringan seperti memasak dan mendulang bijih. Manakala kaum lelaki membuat kerja berat seperti mengangkat, mengetuk atau memecahkan batu dan membina landasan trolis.

Upah

Pekerja lombong menerima upah sekitar RM1.70 sehari bagi lapan jam bekerja namun segala keperluan makanan dan minuman dibekalkan oleh majikan.

Sepanjang eksplorasi penulis baru-baru ini, beberapa barangan peninggalan pelombong boleh ditemui antaranya tempat memproses bijih timah, tuil kabel, lauan rel trolis, tempat tidur dan tin



GUA KELAM menjadi tempat yang sesuai bagi penggemar pelancongan semula jadi.



LUAHAN perasaan pelombong dalam tulisan Cina.



GUA KELAM dalam peta pelancongan negeri Perlis.

milo.

Tulisan Cina juga banyak ditemui di dinding gua. Antara maksud tulisan yang ditulis pelombong itu ialah kerinduan kepada keluarga dan ingin keluar dari gua berkenaan. Ada juga yang melakarkan kisah cinta yang tidak kesampaian antara pelombong lelaki dan perempuan.

Seorang bekas taukeh lom-

bong, **Teoh Kkw Seng**, 75, memberitahu, beliau mula mengusahakan lombong biji timah di gua itu sekitar tahun 1965 dengan mengupah lebih 80 pekerja.

Menurutnya, kaedah perlombongan yang digunakan lazimnya dengan memecahkan pasir dan batu gua menggunakan penukul serta pencungkil sebelum didulang bagi mendapatkan bijih. Selepas dikumpul, ia dibawa keluar menggunakan trolis rel.

"Kami juga menggunakan pam air namun kemudahan tersebut tidak meluas kerana hanya kawasan berhampiran generator boleh memakainya," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, aktiviti melombong berjalan sehingga penghujung tahun 1970-an sahaja apabila bijih timah semakin berkurangan.


Perlombongan bijih timah di Gua Kelam secara besar-besaran bermula sejak tahun 1930-an ketika zaman penjajahan British di negara ini.

Aktiviti tersebut dilakukan di Gua Kelam 2 yang terletak pada ketinggian 12 meter dari tanah. Pelombong terlibat kebanyakannya terdiri daripada suku kaum Hakka, TiaoChu dan Kwancho.

Selepas kemerdekaan, kerajaan negeri Perlis membenarkan syarikat tempatan melakukan

perlombongan mereka sendiri membabitkan lebih 20 taukeh dan lebih 500 pekerja.

Eksplorasi penulis di Gua Kelam baru-baru ini bagaimanapun cuma meliputi satu per empat kawasan berkenaan. Pelancong yang ingin masuk sehingga ke penghujung gua itu memerlukan masa selama tujuh jam berjalan kaki.



GUA ini pernah dihuni ratusan pekerja lombong yang mendapat upah RM1.70 sehari.



LABAH-LABAH gua sering ditemui di sini.



KKW SENG

Keindahan 'tirai gua' 300 juta tahun

GUA Kelayam yang telah berusia 300 juta tahun memiliki khazanah alam yang tidak ternilai. Ia memiliki dua mulut gua yang dipanggil Gua Kelayam 1 dan Gua Kelayam 2. Gua Kelayam 1 ialah laluan anak sungai yang menembusi kawasan di sebaliknya, manakala Gua Kelayam 2 merupakan lokasi aktiviti perlombongan bijih timah.

Menurut cerita penduduk setempat, aktiviti melombong bijih timah mula dilakukan oleh pasangan Mak Minah dan Pak Menangan yang mendulang secara kecil-kecil di Sungai Pelarit berdekatan gua tersebut sekitar tahun 1830-an.

Bagaimanapun, penerokaan dan aktiviti besar-besaran melombong bijih timah di dalam Gua Kelayam dilakukan pada tahun 1930-an oleh penjajah British diikuti kerajaan negeri sebelum dihentikan pada awal tahun 1980-an.

Menurut Pengarah Pelancongan Perlis, Anuar Abidin, kawasan tersebut merupakan satu-satunya tempat perlombongan bijih timah di dalam gua batu kapur di negara ini.

"Selepas gua tersebut ditinggalkan, pemuliharaan dan penjagaan kawasan tersebut diambil alih kerajaan negeri. Setelah itu barulah pelbagai khazanah alam ditemui seperti hiasan gua, batu alir dan tirai gua selain bentuk batu stalaktit serta stalagmit yang unik," ujarnya.

Ekoran itu, katanya, usaha menjadikan Gua Kelayam sebagai destinasi utama pelancongan negeri Perlis dibuat secara berperingkat bermula tahun 2009 dengan



PERKHIDMATAN kereta api mini yang membawa pengunjung sejauh 400 meter ke dalam gua dihentikan sementara waktu.

pembinaan kereta api mini di samping kemudahan infrastruktur dengan kos lebih RM10 juta.

"Perkhidmatan kereta api mini itu membawa pelancong sejauh 400 meter ke dalam gua bagi melihat keindahannya terutamanya tirai gua yang menakjubkan di siling gua sebelum keluar melalui titi gantung di Gua Kelayam 1 untuk pulang semula," ujarnya.

Perkhidmatan kereta api itu dihentikan buat sementara waktu atas sebab keselamatan sejak tahun 2010.

"Bagaimanapun, pelancong masih boleh memasuki Gua Kelayam 2 dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak pe-



TIRAI gua terbentuk daripada celahan batu yang mengeluarkan air.

ngurusan tempat pelancongan itu. Mereka juga boleh mandi-manda di Gua Kelayam 1," katanya.

Anuar menambah, pada tahun ini, Gua Kelayam bakal memiliki tarikan terbaharu iaitu Secret Garden atau Taman Rahsia yang menghimpunkan lebih 1,000 spesies bunga dan flora.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Kaki Bukit, Ang Kooi Heok memberitahu, penduduk di situ amat menghargai langkah kerajaan negeri memajukan Gua Kelayam sebagai pusat pelancongan utama.

"Langkah itu dapat menggalakkan kegiatan ekonomi penduduk melalui pem-

bukaan homestay dan berniaga sekali gus memeriahkan suasana kampung kami," beritahu beliau.

Menurut Kooi Heok, kampung tersebut pada tahun kegemilangan perlombongan bijih timah merupakan antara kawasan yang pesat dengan aktiviti ekonomi dan padat penduduk.

"Dianggarkan lebih 5,000 orang tinggal dengan kebanyakannya berniaga di sini sehingga kampung ini memiliki panggung wayang sendiri. Namun ia perlahan-lahan ditinggalkan selepas aktiviti perlombongan dihentikan," katanya.

Kini, kampung tersebut dihuni 2,000 orang sahaja yang majoritinya warga emas.